

SYARIKAT AIR DARUL AMAN SDN. BHD. (SADA) (*Operator air*) akan memproses data peribadi seperti yang berikut, seperti yang telah diberikan atau mungkin akan diambil di masa hadapan seperti berikut :

- **Nama;**
- **Nombor Kad Pengenalan/ passport;**
- **Butir-butir untuk dihubungi, seperti nombor telefon, alamat email dan alamat surat-menyerat; dan**
- **Semua data peribadi lain yang diberikan oleh Pengguna atau pembekal perkhidmatan kami yang diperolehi daripada domain awam.**

Kami akan memproses data peribadi Pengguna bagi tujuan-tujuan berikut:

- **Membekalkan perkhidmatan air ke rumah Pengguna;**
- **Penyenggaraan saluran air ke kawasan Pengguna;**
- **Menghantar bil-bil air ke premis Pengguna;**
- **Penyediaan khidmat-khidmat berkaitan.**

Maklumat anda adalah diperlukan oleh kami. Jikalau anda tidak memberikan maklumat seperti yang dimohon, kami tidak berupaya untuk menyimpan rekod yang lengkap tentang anda, dan ini akan menjejaskan keupayaan kami untuk menyempurnakan tujuan-tujuan yang dinyatakan diatas.

Penzahiran Data Peribadi Anda.

Kami mungkin akan menzahirkan data peribadi anda kepada pihak-pihak yang dinyatakan di bawah bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan:

- **Ejen dan pembekal perkhidmatan yang membekalkan perkhidmatan yang berkaitan dengan tujuan dimana data peribadi diberikan;**
- **Pihak ketiga (*termasuk yang berada di luar negara*) yang membekalkan servis pemprosesan data;**
- **Sesiapa yang berada dibawah kewajipan kerahsiaan yang telah menjanjikan akan menyimpan data tersebut sebagai sulit; dan**
- **Operator-operator air dan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.**

Kami mungkin juga akan menzahirkan data peribadi anda jikalau dikehendaki oleh undang-undang atau secara suci hati, jikalau penzahiran tersebut adalah perlu untuk (i) mengikut keperluan mana-mana agensi penguatkuasaan undang-undang, perintah mahkamah atau proses undang-undang; atau (ii) melindungi dan membela hak-hak atau harta SADA

Akses, Pembetulan Dan Aduan.

Jikalau sesiapa yang dinamakan di sini, ingin membuat sebarang pertanyaan atau aduan atau permohonan untuk mengakses, membetulkan atau menghadkan pemprosesan data peribadi, mereka boleh menghubungi **Pn. Salina Binti Ismail** di **Jabatan Undang-Undang** atau **En. Kamal Bin Kamis** di **Jabatan Pengguna, Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (SADA)**. Sebarang permohonan untuk akses kepada data peribadi mungkin dikenakan yuran dan perlu mematuhi syarat-syarat di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).